

**NO. SOALAN: 129**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA BINTI  
DATO' OTHMAN SAID [ PENGERANG ]**

**RUJUKAN : 8012**

**SOALAN:**

**Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [ Pengerang ] minta  
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) berapakah jumlah kanak-kanak di bawah umur 18 tahun yang berkahwin antara tahun 2000 dan 2014 mengikut pecahan kaum, agama, jantina dan negeri; dan
- (b) berapakah jumlah kes perceraian yang telah dicatatkan dalam tempoh sama yang melibatkan kategori umur yang tersebut.

## **JAWAPAN:**

**Bagi menjawab soalan (a), Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) hanya mendaftarkan perkahwinan bagi orang bukan Islam dan peruntukan yang berkaitan dengan perkahwinan seseorang yang belum genap mencapai umur dewasa adalah di bawah Seksyen 12(1) Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164] seperti berikut:-**

***“Seseorang yang belum genap mencapai umur dewasa dua puluh satu tahun, walaupun telah mencapai umur dewasa sebagaimana ditetapkan oleh Akta Umur Dewasa 1971, adalah juga dikehendaki, sebelum berkahwin, mendapatkan persetujuan bertulis—***

- (a) bapanya; atau**
- (b) jika orang itu adalah tak sah taraf atau bapanya telah mati, ibunya;**
- (c) jika orang itu adalah seorang anak angkat, bapa angkatnya, atau jika bapa angkatnya telah mati, ibu angkatnya; atau**
- (d) jika kedua-dua ibu bapanya (ibu bapa sebenar atau ibu bapa angkat) telah mati, orang yang mengambil tempat ibu bapanya sebelum ia mencapai umur itu,  
tetapi dalam sesuatu hal lain, tidaklah perlu mendapatkan persetujuan”.**

**Walau bagaimanapun, Seksyen 10 Akta yang sama membenarkan perkahwinan dengan seseorang perempuan yang telah genap umur 16 tahun tetapi di bawah 18 tahun dengan suatu lesen yang diberi oleh Ketua Menteri di bawah Seksyen 21(2) yang menyatakan seperti berikut:-**

***“Ketua Menteri boleh, menurut budi bicaranya, memberi suatu lesen di bawah seksyen ini membenarkan pengupacaraan sesuatu perkahwinan walaupun pihak perempuan yang hendak berkahwin itu berumur di bawah lapan belas tahun, tetapi bagaimana pun tidak boleh memberi lesen itu sebelum perempuan itu genap enam belas tahun”.***

Oleh itu, mengikut rekod Jabatan Pendaftaran Negara, sejumlah 7,719 perkahwinan dengan seseorang perempuan yang berumur genap 16 tahun tetapi di bawah 18 tahun telah didaftarkan dari tahun 2000 sehingga 2014. Dalam hal ini, jumlah tersebut tidak termasuk perkahwinan yang ditadbir di bawah undang-undang adat istiadat seseorang bumiputra Sabah atau Sarawak atau seseorang orang asli Malaysia Barat. Pecahan jumlah tersebut mengikut pecahan kaum, agama dan negeri adalah seperti berikut:-

i.

**Jumlah Pendaftaran Perkahwinan  
Dengan Seseorang Perempuan Yang Berumur  
Genap 16 Tahun Tetapi Di Bawah Umur 18 Tahun  
Mengikut Keturunan Dari Tahun 2000 Hingga 2014**

| KETURUNAN |       |             |               |            |           | JUMLAH |
|-----------|-------|-------------|---------------|------------|-----------|--------|
| CINA      | INDIA | ETNIK SABAH | ETNIK SARAWAK | ORANG ASLI | LAIN-LAIN |        |
| 4,584     | 832   | 200         | 1,399         | 376        | 328       | 7,719  |

Sumber : Jabatan Pendaftaran Negara  
Tarikh Kemas Kini : 08 Mei 2015

ii.

**Jumlah Pendaftaran Perkahwinan  
Dengan Seseorang Perempuan Yang Berumur  
Genap 16 Tahun Tetapi Di Bawah Umur 18 Tahun  
Mengikut Agama Dari Tahun 2000 Hingga 2014**

| AGAMA |       |          |        |       |         |             |            |                | JUMLAH |
|-------|-------|----------|--------|-------|---------|-------------|------------|----------------|--------|
| TAO   | BAHAI | KRISTIAN | BUDDHA | HINDU | SIKHISM | TIADA AGAMA | LAIN AGAMA | MAKLUMAT TIADA |        |
| 5     | 15    | 1,851    | 4,500  | 800   | 10      | 412         | 124        | 2              | 7,719  |

Sumber : Jabatan Pendaftaran Negara  
Tarikh Kemas Kini : 08 Mei 2015

iii.

**Jumlah Pendaftaran Perkahwinan**  
**Dengan Seseorang Perempuan Yang Berumur**  
**Genap 16 Tahun Tetapi Di Bawah Umur 18 Tahun**  
**Mengikut Negeri Didaftarkan Dari Tahun 2000 Hingga 2014**

| BIL.                      | NEGERI                             | JUMLAH       |
|---------------------------|------------------------------------|--------------|
| 1.                        | Johor                              | 999          |
| 2.                        | Kedah                              | 171          |
| 3.                        | Kelantan                           | 121          |
| 4.                        | Melaka                             | 145          |
| 5.                        | Negeri Sembilan                    | 233          |
| 6.                        | Pahang                             | 283          |
| 7.                        | Pulau Pinang                       | 263          |
| 8.                        | Perak                              | 434          |
| 9.                        | Perlis                             | 23           |
| 10.                       | Selangor                           | 687          |
| 11.                       | Terengganu                         | 11           |
| 12.                       | Sabah                              | 199          |
| 13.                       | Sarawak                            | 1,745        |
| 14.                       | Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur) | 333          |
| 15.                       | Wilayah Persekutuan (Labuan)       | 5            |
| 16.                       | Wilayah Persekutuan (Putrajaya)    | 56           |
| 17.                       | Tiada Maklumat                     | 2,011        |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |                                    | <b>7,719</b> |

*Sumber : Jabatan Pendaftaran Negara*

*Tarikh Kemas Kini : 08 Mei 2015*

**Merujuk kepada soalan (b), Jabatan Pendaftaran Negara hanya mengemaskini suatu rekod perkahwinan melalui sesuatu dikri perceraian atau pembatalan perkahwinan bagi orang bukan Islam yang dikeluarkan oleh pihak Mahkamah Tinggi. Berhubung dengan perkara ini juga, Seksyen 50(1) Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164] tidak membenarkan sesuatu petisyen perceraian boleh diserahkan kepada mahkamah sebelum tamat tempoh dua tahun dari tarikh perkahwinan. Justeru, tiada perceraian bagi perkahwinan dengan seseorang perempuan yang berumur genap 16 tahun tetapi di bawah 18 tahun yang direkodkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara.**